

**HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT, SEPANG:**  
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

**KUALA LANGAT. SEPANG**

# Sasar bebas dadah

Anggota Balai Bomba Banting mahu jadi contoh kepada agensi lain

**BANTING** - Anggota Balai Bomba dan Penyelamat Banting bertekad mahu menjadi badan keselamatan bebas dadah.

Pegawai Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, inisiatif Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menjalankan Program Kerja Bebas Dadah Sektor Awam dapat membantu kualiti kerja penjawat awam.

Menurutnya, program itu memberi kefahaman akan penyalahgunaan barang terlarang itu di tempat kerja selain langkah pencegahan keterlibatan pekerja dari dadah.

"Kami telah jalani ujian saringan air kencing Mei lalu dan keputusannya amat memberangsangkan apabila tiada anggota terlibat.

"Jadi, kami telah sahut saranan itu dan berjaya membuktikan anggota bomba Banting mempunyai integriti tinggi serta komited melaksanakan tanggungjawab," katanya selepas



Antara anggota Balai Bomba dan Penyelamat Banting yang menyertai Program Kerja Bebas Dadah Sektor Awam, baru-baru ini.

Program Kerja Bebas Dadah Sektor Awam oleh AADK Daerah Kuala Langat di Bilik Kuliah Balai Bomba dan Penyelamat Banting, baru-baru ini.

Beliau berkata, selepas ini terdapat ujian saringan kedua pada hujung tahun

dan diharap agensi itu dapat terus menjadi contoh kepada organisasi lain.

"Saya yakin 34 anggota termasuk pegawai bomba bantuan boleh jadi contoh penjawat awam yang bebas dadah," katanya.

## Galak kibar Jalur Gemilang

**BANTING** - Jabatan Perpaduan Daerah Kuala Langat menggalakan semua rukun tetangga (RT), tabika dan taska mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda sokongan cintakan negara.

Pegawainya, Ibrahim Abdullah berkata, beliau berharap ahli jawatankuasa setiap rukun tetangga dapat berpesan-pesan untuk sama-sama memasang Jalur Gemilang

di kawasan penduduk.

Menurutnya, dengan cara ini ia dapat menarik minat masyarakat menghargai negara selain mengamalkan kehidupan harmoni.

"Dalam pada itu, aktiviti kibarkan bendera bukan sahaja dapat menceriakan kawasan rumah penduduk tetapi menyemarakkan suasana menjelang Hari Kemerdekaan," katanya.



Rukun Tetangga Topaz 3 Bandar Saujana Putra antara kawasan yang aktif mengibarkan Jalur Gemilang.